



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِيسْلَامْ نِغِيرِيْ سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِحْطِيَّةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

06 ZULKAEDAH 1447H/ 24 APRIL 2026M

“AMALAN MEMBACA AL-QURAN”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِّلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ
الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sebelum itu khatib ingin menyeru marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memberi tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan dibaca. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit semasa khutbah dibacakan kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan solat Jumaat . Pada hari ini, mimbar akan membacakan khutbah yang bertajuk **“Amalan Membaca Al-Quran.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Al-Quran ialah kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai mukjizat terbesar yang kekal sehingga ke hari kiamat. Al-Quran bukan sekadar bacaan ritual, tetapi petunjuk hidup (*hudal linnaas*) yang mengandungi rahmat dan penyembuh bagi mereka yang beriman. Allah SWT berfirman dalam surah al-Isra, ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebajikan bahawa mereka akan beroleh pahala yang besar.”

Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran bukan sahaja memberi hidayah, malah mengandungi janji pahala yang besar bagi mereka yang mengamalkannya.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Al-Quran bukan sekadar kitab yang dibaca pada majlis-majlis tertentu, bukan pula hanya untuk dihafal tanpa pemahaman. Al-Quran ialah kalamullah, firman Allah yang hidup, berbicara kepada setiap jiwa yang mendekatinya dengan ikhlas. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang berbunyi yang **bermaksud:** “Bacalah al-Quran, kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat bagi para pembacanya.” (Riwayat Imam Muslim)

Bayangkan, tuan-tuan! Al-Quran yang kita baca hari ini, yang mungkin kita anggap ringan, akan menjadi saksi dan pembela kita di mahkamah Allah yang Maha Agung. Setiap huruf yang dilafazkan, setiap ayat yang dihayati,

akan menjadi cahaya pada gelapnya Padang Mahsyar. Allah SWT berfirman dalam surah al-Fatir, ayat 29-30 yang **maksudnya:** *“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi, supaya Allah menyempurnakan kepada mereka pahala mereka dan menambah kepada mereka dari kurniaan-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri.”*

SIDANG JAMAAH YANG DIMULIAKAN,

Membaca al Quran bukan sekadar ritual kosong. Individu yang sentiasa membaca serta bertadabbur dengan isi kandungannya, amalan tersebut boleh memberi kesan yang bermanfaat dan berguna dalam kehidupan seseorang seperti berikut :

Pertama: Penawar hati dan jiwa, Allah SWT berfirman dalam surah Yunus, ayat 57:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى
وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Maksudnya: *“Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu, dan penyembuh bagi penyakit-penyakit yang ada di dalam dada, dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.”*

Dalam era yang penuh tekanan, *anxiety* (kerisauan), dan kecelaruan minda, al-Quran ialah penawar syariah yang paling mujarab yakni *ar-ruqyah asy-syar'iyah*. Bukan dengan dukun, bukan dengan adat tradisi,

tetapi dengan kalamullah yang menenangkan jiwa dan menyusun semula fikiran yang kacau.

Kedua: Peningkatan darjat dan kedudukan. Setiap ayat yang kita baca ialah anak tangga menuju kedudukan mulia di sisi Allah. Setiap surah yang kita hayati adalah tujuan akhirat yang tidak pernah merugikan. Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud:** *“Dikatakan kepada penghafal Al-Quran: Bacalah dan naikkanlah (darjatmu), dan tartilkanlah sebagaimana engkau mentartilkan di dunia, kerana sesungguhnya kedudukanmu adalah di akhir ayat yang engkau baca.”* (Riwayat oleh Abu Daud)

Ketiga: Ketenangan dalam kehidupan. Allah SWT berfirman dalam surah ar-Ra'd, ayat 28 yang **bermaksud:** *“Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan zikrullah. Ingatlah, hanya dengan zikrullah hati menjadi tenteram.”*

Dan apakah zikir yang paling agung selain al-Quran? Membaca al-Quran dengan tadabbur adalah zikir yang paling sempurna, yang membawa sakinah yakni ketenangan yang hakiki.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Al-Quran merupakan wahyu terakhir yang kekal terpelihara dan tidak akan berubah sehingga hari kiamat. Oleh itu, jadikanlah al-Quran sebagai teman sepanjang hayat, bukan sekadar hadir sementara lalu dilupakan. Bacalah ketika gembira agar bertambah rasa syukur, ketika sedih agar meningkat kesabaran, dan ketika dalam kekeliruan agar memperoleh petunjuk. Bacalah juga ketika sihat, kerana mungkin suatu hari nanti kita tidak lagi berdaya untuk membacanya. Sesungguhnya, Nabi Muhammad

SAW telah bersabda bahawa orang yang membaca al-Quran dengan susah payah tetap memperoleh ganjaran yang besar di sisi Allah SWT melalui sebuah hadis yang **bermaksud**: *“Orang yang membaca al-Quran sedang ia mahir dalam membacanya maka dia bersama para malaikat utusan yang mulia, sedangkan orang yang membacanya dengan sulit maka ia mendapat dua pahala.”* (Riwayat Imam Ahmad)

Mulakan hari ini, walaupun dengan satu ayat, walaupun dengan satu muka surat. Yang penting, mula dan berterusan. Akhir sekali, semoga Allah SWT menjadikan kita ahlul Quran, iaitu keluarga al-Quran yang dicintai-Nya. Semoga al-Quran menjadi saksi bagi kita, bukan saksi terhadap kita. Semoga kita termasuk dalam golongan yang Rasulullah SAW sebut:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

Maksudnya: *“Sebaik-baik kalian adalah orang yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya.”* (HR Abu Daud)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْعْ وَعَلَى فَخَامَةِ
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com